

Jalani terpilih sampai Syarahan Perdana USIM

SEREMBAN 26 Jun - Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Jalani Sukami baru-baru ini menyampaikan Syarahan Perdana yang biasanya diberikan kepada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu, di universiti berkenaan di Nilai dekat sini.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof. Dr. Musa Ahmad berkata, program Syarahan Perdana USIM itu diadakan dengan tujuan membina budaya wacana akademik dan berkongsi kepakaran masing-masing.

"Melalui kejayaan yang dicapai, beliau layak dijadikan inspirasi kepada rakan sejawatan dan komuniti sains secara amnya dan ia menjadikan beliau sebagai contoh ikutan serta sumber inspirasi kepada mereka yang ingin mengikut jejak kejayaan tersebut.

"Kemajuan kerjaya cemerlang yang ditunjukkan beliau juga telah memecahkan pemikiran lama yang menjadi penghalang kemajuan sedia ada sekali gus menjadi seorang penyelidik penuh daya saing dan sangat komited terhadap kemajuan sains dan teknologi di Malaysia," katanya di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Jalani menyampaikan syarahan bertajuk Industri Kelapa Sawit Malaysia; Sumbangan, Cabaran dan Peluang Masa Hadapan yang membincangkan industri sawit tempatan dalam menghadapi isu serta cabaran terutamanya masa kini.



JALANI Sukami semasa menyampaikan Syarahan Perdana USIM 2012 di Nilai, dekat Seremban, baru-baru ini.

Anak kelahiran Muar, Johor yang dilahirkan pada 7 Julai 1945 itu mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Muar dan kemudiannya menyambung pengajian di Universiti Malaya (UM) dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian pada 1970.

Beliau kemudiannya menyertai kumpulan penyelidikan Profesor JP Moss di University of Reading, United Kingdom dan berjaya menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Genetik Tumbuhan.

Seawal usia 28 tahun, Jalani merupakan salah seorang pemegang ijazah kedoktoran termuda di Malaysia

dan kemudiannya mengorak langkah serta membina kerjaya sebagai ahli akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1974.

Sebagai seorang saintis, beliau telah menimba banyak pengalaman semasa berkhidmat di makmal universiti terkemuka dunia di Iowa State, Harvard, Yale dan Cornell dengan menjelajah ke lebih 70 buah negara demi mendalami ilmu sains.

Pada 2004, beliau telah menyertai USIM sebagai Pengarah Pusat Tamhidi (matrikulasi) dari Januari 2004 sehingga Jun 2008 dan kini merupakan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi USIM sejak Jun 2003.